

16 APR 2003

SAMBUTAN ULANG TAHUN UMNO KE-57 DI STADIUM MERDEKA

MELAKA, 16 April (Bernama) -- Sambutan ulang tahun Umno ke-57 pada 11 Mei ini akan diadakan di Stadium Merdeka dan dijangka dihadiri 40,000 orang, kata Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Majlis itu akan berlangsung pada sebelah malam dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno.

"Beberapa tokoh veteran Umno akan diberi penghargaan pada majlis itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Antarabangsa dan Exposisi Bandaraya Melaka di sini hari ini.

Tengku Adnan berkata sambutan ulang tahun Umno tahun lepas yang diadakan di Stadium Melawati, Selangor, telah dihadiri 30,000 ahli Umno sedangkan stadium itu hanya mampu memuatkan 15,000 orang.

-- BERNAMA

NO MAI